

22/10/1999

PM beri keterangan Khamis

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Khamis - Mahkamah Tinggi di sini menetapkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hadir pada 28 Oktober ini bagi memberi keterangan berhubung kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka membuat keputusan itu hari ini, selepas diberitahu oleh peguam bela Sukma Darmawan, Jagdeep Singh Deo bahawa pihaknya ingin Perdana Menteri hadir ke mahkamah pada tarikh itu.

Bagaimanapun, Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah memberitahu mahkamah, pendakwa akan mengetepikan sapina yang dikeluarkan terhadap Perdana Menteri supaya hadir ke mahkamah.

Jagdeep memberitahu mahkamah, pihaknya sudah mendapat sapina terhadap Dr Mahathir tetapi belum lagi dapat menyerahkan kepada Perdana Menteri.

Katanya, sehingga hari ini pihaknya masih gagal menemuramah Dr Mahathir dan memohon kepada mahkamah supaya sapina diserahkan kepada Perdana Menteri dengan segera.

Ariffin berkata, mahkamah akan memberitahu Jagdeep secepat mungkin jika sapina berjaya diserahkan kepada Perdana Menteri.

Beliau mencadangkan kepada Jagdeep supaya dapat menghubungi Setiausaha Sulit Perdana Menteri bagi menetapkan tarikh yang sesuai untuk menemuramah Dr Mahathir.

Mohtar pula memberitahu mahkamah, Jagdeep perlu memberi notis kepada pendakwa untuk memanggil Perdana Menteri memberi keterangan bagi membolehkan pihaknya mengetepikan sapina itu.

Bagaimanapun, katanya, kedua-dua tertuduh perlu memberi keterangan dahulu dan perkara untuk menemuramah Perdana Menteri boleh dilakukan ketika perbicaraan itu.

Peguam bela Anwar, Karpal Singh mencelah dan meminta mahkamah menggunakan prosidur biasa dengan mengeluarkan sapina terhadap Perdana Menteri supaya hadir ke mahkamah.

Mohtar yang tidak setuju dengan pandangan Karpal meminta mahkamah menetapkan tarikh dulu sebelum memanggil Perdana Menteri hadir ke mahkamah.

Bagaimanapun, katanya, jika Dr Mahathir disapina atas kedudukannya sebagai Perdana Menteri, pendakwa akan mengetepikan sapina itu bersama sapina yang dikeluarkan ke atas Peguam Negara.

Jagdeep kemudian mencadangkan Khamis depan untuk Dr Mahathir hadir ke mahkamah selepas Anwar dan Sukma Darmawan selesai memberi keterangan mereka.

Sebelum itu, peguam bela Anwar, S N Nair memberitahu mahkamah, pihaknya menghadapi kesukaran untuk mencari diari peribadi Mohd Azmin Ali yang mengesahkan pergerakan Anwar.

Katanya, penjara juga tidak membenarkan Mohd Azmin menemui Anwar bagi membandingkan butiran pergerakan itu.

Selain itu, katanya, pihaknya juga ingin ke Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan untuk memeriksa beberapa fakta mengenai perkara berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya bercadang untuk menemui kontraktor berhubung perkara yang sama.

Sehubungan itu, katanya, pembela memohon penangguhan dua hari bagi membolehkan mereka mendapatkan diari dan maklumat yang diperlukan itu.

Terdahulu, dalam kenyataan pembukaannya, Karpal berkata pembela akan

menggunakan pembelaan alibi bagi memusnahkan kes pendakwaan.

Katanya, walaupun alibi pembela tidak disiasat dan disahkan oleh pendakwa, pihaknya akan membuktikan alibi itu dengan memanggil saksi menyokong keterangan tertuduh.

Karpal berkata, selain bergantung kepada pembelaan alibi, pihaknya juga akan menggunakan pembelaan konspirasi untuk membuktikan kes tertuduh.

Sehubungan itu, katanya, pembela akan memanggil Perdana Menteri; Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin dan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor.

Katanya, keterangan Abdul Rahim akan memusnahkan keterangan bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohd Haniff Omar yang didakwa dicurigai.

Peguam bela Sukma Darmawan, Gobind Singh Deo berkata pihaknya akan mengemukakan bukti bagi menyangkal tuduhan yang dihadapi tertuduh kedua itu.

Beliau berkata pihaknya juga akan memanggil Perdana Menteri dan saksi lain bagi menyokong kes Sukma Darmawan.

Perbicaraan bersambung esok.

(END)